

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengikut bancian terkini berapa purata buah buku yang dibaca oleh rakyat Malaysia setahun dan berapa pula judul buku baru yang dikeluarkan.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia yang telah dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996 telah didapati jumlah bahan bacaan yang dibaca oleh rakyat Malaysia hanya 2 naskhah setahun.

Pada tahun 2005, sekali lagi kajian ini dijalankan dan menunjukkan rakyat Malaysia membaca sekurang-kurangnya 2 naskhah setahun.

Pada tahun 2010, satu Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010 telah dijalankan dan hasil dapatan kajian mendapati purata kadar membaca rakyat Malaysia meningkat kepada 8 hingga 12 naskhah setahun.

Pada tahun 2014, satu Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014 dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan kajian ini juga menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2010, iaitu secara puratanya rakyat Malaysia membaca sebanyak 15 naskhah buku setahun.

Jumlah judul buku baharu yang diterbitkan dalam tempoh Januari sehingga September 2016 judul yang telah diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331) adalah sebanyak 12,710. Dianggarkan jumlah judul buku baharu yang akan diterima sehingga Disember 2016 ialah 15,000 judul, iaitu meningkat sebanyak 7.3% jika dibandingkan judul buku baharu yang diterima pada tahun 2015 iaitu sebanyak 13,975.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**
TARIKH : **25 OKTOBER 2016 [SELASA]**
SOALAN : **28**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah berkesan untuk menguatkuasakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi untuk ekonomi inovasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) merupakan agenda untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih kompetitif dan membangun berlandaskan kepada asas STI yang kukuh. Dasar ini menggariskan hala tuju pelaksanaan STI bagi mewujudkan sebuah negara maju sains (*scientifically advance nation*) yang seterusnya akan melahirkan masyarakat yang maju sains, progresif, berinovatif dan berfikiran ke hadapan.

Bagi memastikan DSTIN berupaya memacu ekonomi berasaskan inovasi, penekanan dan fokus terhadap 6 teras strategik yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) memajukan bidang-bidang penyelidikan dan pembangunan saintifik dan sosial serta pengkomersialan (R&D&C);
- (ii) membangun, memupuk dan menggilap bakat STI;
- (iii) menggiat dan mencergaskan industri;
- (iv) mentransformasi tadbir urus STI;
- (v) menggalak dan memupuk kesedaran STI; dan
- (vi) mengukuhkan hubungan strategik antarabangsa.

Pelbagai langkah dasar sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pelaksanaan dan keupayaan DSTIN. Antaranya termasuklah:

- (i) meningkatkan Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) untuk mencapai sekurang-kurangnya 2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) menjelang 2020;
- (ii) meningkatkan bilangan penyelidik kepada 70 bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang 2020;
- (iii) memperhebatkan usaha *Brain Gain* dan *Brain Circulation* dalam STI;
- (iv) menggalakkan inovasi sosial, akar umbi dan inovasi yang didorong pengeluar dan pengguna;
- (v) meningkatkan kerjasama dan perkongsian yang dipacu oleh industri (*industry-driven*);
- (vi) mentransformasi dan meningkatkan tadbir urus Institut Penyelidikan Awam (IPA); dan
- (vii) mengembang dan memperkasakan pusat-pusat sains untuk menyemai budaya STI di kalangan masyarakat.

Pembangunan dan pelaksanaan teras-teras strategik serta langkah-langkah dasar STI bertujuan untuk mencapai matlamat menjadikan STI sebagai pencetus kepada penjana kekayaan negara, pembentukan pengetahuan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.